

## **Metabahasa dalam Perkamusan: Kelebihan dan Kekurangan**

NORHASLIZA BINTI RAMLI<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

Ahli perkamusan menggunakan maklumat seperti simbol-simbol dan lambang bunyi yang difahami oleh para pengguna kamus yang dikenali sebagai metabahasa. Maklumat-maklumat bahasa termasuklah entri, etimologi, contoh-contoh ayat, penggolongan kata, singkatan perkataan, perkataan saintifik untuk binatang dan tumbuh-tumbuhan, transkripsi, sinonim, antonim, suku kata, polisemi dan sebagainya. Dalam makalah ini, penulis akan membuat perbandingan metabahasa antara 'Kamus Dewan Edisi Keempat' (KD4) dan 'Kamus Perancis-Melayu Dewan' (KPMD). KD4 ialah kamus ekabahasa sementara KPMD ialah kamus dwibahasa. Kajian penulis memfokuskan kepada kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam kedua-dua buah kamus. Berpandukan teori Hartmann (1993), penulis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara bagi kedua-dua kamus ini, khususnya dalam pemerian makna dan penggunaan lambang fonetik.

Kata kunci: entri, kamus, ekabahasa, dwibahasa, metabahasa.

### **ABSTRACT**

Lexicographer uses information such as symbols and phonetic symbols that is understood by users called metalanguage. The information includes entry, etymology, sample of sentences, group of words, short forms, scientific words for plants and animals, transcription, synonyms, antonyms, syllables, polysemy and others. In this paper, researcher uses 'Kamus Dewan Edisi Keempat' (KD4) and 'Kamus Perancis-Melayu Dewan' (KPMD) to compare the metalanguage of both selected entries. KD4 is monolingual while KPMD is a bilingual dictionary. The research focuses on the advantages and disadvantages of both. Based on Hartmann (1993) theory, researcher find that there are major differences in both especially in definition of words, and phonetics symbols.

Keywords: entry, dictionary, monolingual, bilingual, metalanguage.

### **Pendahuluan**

Kamus menjadi wadah penting kepada pengguna untuk merujuk makna perkataan yang ingin dicari. Terdapat berbagai-bagai kamus di pasaran masa kini. Sebelum membeli sebuah kamus, para pengguna kamus perlu meneliti beberapa perkara berkaitan dengan maklumat yang dipaparkan di dalam satu-satu entri kamus. Dalam erti kata lain, pengguna perlu melihat maklumat bahasa sesebuah kamus tidak kira sama ada kamus itu kamus ekabahasa atau dwibahasa. Segala input maklumat linguistik dan bukan linguistik yang dinyatakan di atas

---

<sup>1</sup> Norhasliza binti Ramli, Pensyarah Unit Bahasa Melayu, Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norhasliza@kuis.edu.my

sepatutnya dimampatkan dalam sebuah kamus yang dapat dikesan melalui metabahasanya. Sekiranya kamus ekabahasa, maka bahasa entri kamus itu ialah Melayu dan metabahasanya tentulah Melayu. Jika kamus dwibahasa, mungkin bahasa entrinya Inggeris dan metabahasanya ialah bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, antara satu kamus dengan kamus yang lain mungkin berbeza maklumat metabahasanya.

Cara bahasa yang digunakan oleh seseorang penyusun kamus untuk menunjukkan maklumat bahasa dalam sistem linguistik dan menggunakan simbol-simbol atau lambang-lambang bahasa yang difahami oleh pengguna sesebuah kamus dipanggil sebagai metabahasa. Sebagai contoh, maklumat yang mungkin terdapat dalam sesebuah kamus ialah seperti entri, etimologi, contoh penggunaan ayat, kelas kata, penggunaan singkatan lain, penggunaan nama saintifik untuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan, transkripsi sebutan, sinonim, antonim, penyukuan kata, polisemi dan lain-lain. Untuk itu dalam makalah ini, penulis menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4), 2007 dan Kamus Perancis-Melayu Dewan (KPMD) 1996, untuk melihat dan membandingkan maklumat metabahasa dalam penggunaan kedua-dua kamus tersebut.

Umum sudah mengetahui bahawa KD3 ialah kamus yang tersohor di Malaysia yang menjadi rujukan makna perkataan Melayu yang paling penting bagi orang awam dan penyusun-penyusun kamus lain. Sementara itu, KPMD pula tidak kurang hebatnya sebagai sebuah kamus yang menjadi rujukan bagi individu berbahasa Perancis yang ingin mempelajari bahasa Melayu atau sesiapa sahaja sama ada pelajar, guru atau penterjemah, yang ingin mengenali dan mempelajari bahasa Perancis secara lisan mahupun bertulis.

### **Objektif Kajian**

Walaupun KD4 ialah kamus ekabahasa, (iaitu bahasa objek dan metabahasanya adalah bahasa yang sama) sementara KPMD ialah kamus dwibahasa, (bahasa objek dan metabahasanya adalah berlainan), namun kajian ke atas dua buah kamus ini masih boleh dilakukan kerana penulis hanya ingin melihat kelebihan dan kekurangan yang ada pada dua buah kamus terbitan DBP ini.

### **Permasalahan Kajian**

Walaupun terdapat pelbagai kamus di pasaran, namun tiada keseragaman dalam persembahan kamus-kamus tersebut, khususnya dalam KD4 dan KPMD. Ketidakeragaman antara kamus ini mewujudkan kelompangan yang tersendiri, sehingga menampakkan sisi kelebihan dan kekurangan kamus-kamus tersebut.

### **Metodologi Penyelidikan**

Metodologi dapat memandu dan mengarah sesuatu penyelidikan yang dijalankan agar dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Untuk tujuan makalah ini, penulis

menggunakan kaedah atau teknik penyelidikan melalui penelitian dan pengujian terhadap data, iaitu entri kamus yang dipilih secara rawak. Oleh itu, fokus penulis ialah untuk meneliti dan mengkaji metabahasa kedua-dua buah kamus ini. Justeru, penulis memilih entri ‘layu’, ‘sah’ dan ‘fakulti’ sebagai perkataan yang ingin dikaji dan diuji dalam KD4 dan ‘fané,’ ‘valid’ dan ‘fac’ dalam KPMD. Entri kamus ini dianalisis berdasarkan teori Hartmann (1993). Berikut ialah perincian yang terlibat dalam aspek metabahasa yang akan digunakan dalam penelitian ini.

### **Perincian Metabahasa**

Terdapat empat aspek metabahasa yang penting menurut Hartmann dan James (1998), iaitu merangkumi penggunaan medan maklumat, bahasa yang memperkatakan bahasa objek, cara mempersembahkan bahasa objek dan konvensi-konvensi leksikografi.

### **Penggunaan Medan Maklumat**

Penggunaan medan maklumat dalam sesebuah kamus seharusnya mempunyai maklumat linguistik dan bukan linguistik. Kenyataan ini diperkuat oleh hujah Gleason dan Zgusta (dalam Nor Hashimah: 2007) yang menyatakan bahawa bidang perkamusan merupakan pertemuan semua sistem linguistik dan bukan linguistik seperti di bawah:

*“The theory of lexicography is connected with lexical system, semantic, lexicology, grammar, stylistic, morphology... the dictionary ... the meeting place of all system linguistic and non linguistic”*

Ibrahim (2005) mengatakan bahawa kebiasaan medan maklumat mengandungi perkara-perkara yang berikut, seperti:

- |                                     |                                   |
|-------------------------------------|-----------------------------------|
| i. entri                            | viii. catatan pemakaian kata      |
| ii. bentuk kata                     | ix. deskripsi penjelasan definisi |
| iii. ucapan dan ejaan               | x. derivasi kata                  |
| iv. jenis kata                      | xi. frasa                         |
| v. sinonim dan antonim              | xii. kutipan                      |
| vi. tingkat pemakaian kata          | xiii. rujuk silang                |
| vii. definisi atau batasan pemerian | xiv. kata-kata silang             |

### **Bahasa yang Memperkatakan Bahasa Objek**

Menurut pandangan Nor Azizah (2000: 3), kandungan leksikografi dalam kamus ekabahasa boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, kandungan dalam bahasa objek ialah bahasa yang butir leksikalnya diterangkan, iaitu kandungannya terletak di sebelah kiri halaman kamus dan dicetak dengan huruf tebal. Bahagian kedua pula ialah kandungan yang dipaparkan melalui metabahasanya. Biasanya bahagian ini terletak di bahagian kanan halaman kamus dan sebahagiannya dicetak dengan huruf biasa, sebahagian lagi dengan huruf miring dan huruf tebal. Contoh lanjut tentang kedua-dua bahagian ini akan ditunjukkan kemudian oleh penulis.

## Cara Bahasa Mempersembahkan Bahasa Objek

Seorang penyusun kamus perlu mempunyai peraturan atau teknik-teknik tertentu untuk mempersembahkan bahasa objek dalam sesebuah kamus. Penyusun kamus perlu mempunyai kemahiran seperti teknik memampatkan maklumat mengikut kesejadian dan keidiomatikan bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin: 2007).

### a. Mengikut Peraturan atau Formula Tertentu

Bahasa bagi metabahasa perlulah bersifat luar biasa, dan ditulis mengikut peraturan atau formula tertentu, terlalu ringkas, kadangkala terputus-putus, jarang sekali mempedulikan keidiomatikan bahasa tabii, dan memaparkan struktur yang berulang-ulang secara terancang.

### b. Menggunakan Teknik Mampatan

Teknik mampatan sangat penting dalam perkamusan, kerana maklumat metabahasa perlu dipersembahkan dalam cara yang jelas, padat dan singkat. Misalnya, penggunaan singkatan (yg, dll, spt) dan gabungan kata ( mesra ~) untuk mesra alam (Nor Azizah, 2000 : 6).

### c. Mengikut Kesejadian dan Keidiomatikan Bahasa.

Menurut Mc Carthy dan Sinclair (dalam Nor Hashimah: 2007) selain daripada maklumat sintaksis, penyusun kamus perlu menyerlahkan maklumat kolokasi, maklumat keidiomatikan dan kesejadian bahasa, dan sebarang maklumat yang dapat membantu dalam penghasilan teks yang dapat diterima oleh penutur asli.

## Konvensi-konvensi leksikografi

Menurut Hartmann dan James (1988), metabahasa turut merangkumi perkara-perkara seperti kod tatabahasa, pelabelan penggunaan kata dan pengungkapan definisi. Menurut Hartmann pula (1993), kod tatabahasa ialah suatu cara yang menunjukkan bagaimana leksem berfungsi sebagai anggota kata yang berbeza (kata nama, kata kerja dan lain-lain). Dengan adanya kepelbagaian konvensi ini, maka akan dapat membantu penyusun kamus mempersembahkan jenis-jenis maklumat, seperti etimologi, padanan dalam bahasa sasaran, pedoman tatabahasa, sinonim, antonim, penentuan homonimi dan polisemi dan sebagainya.

Berikut ialah contoh bahasa objek dan metabahasa bagi kamus-kamus tersebut:

### Contoh 1

#### Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4), 2007: 903

**layu** 1. kering dan kecut (daun, bunga dll), tidak berseri atau tidak segar lagi, lisut: *kajang orang kajang berlipat, kajang saya mengkuang ~*; 2. ki pucat dan lesu (orang), tidak bergaya, tidak sihat, merana: *gadis tua yang sudah ~*; ~ *bunga* (barang yg) sudah lama tetapi masih elok (kain dll); ~ *malap* KI terlalu letih; *dianjak ~, dibubut (dianggur) mati = diasak (pindah) ~, dicabut mati* prb keputusan yg muktamad (tidak dapat diubah-ubah lagi);

**melavukan** menvehabkan iadi lavu (melavurkan. menganggurkan. dll): *bilangana bunga itu*

sesuatu yang layu; **2.** = padi ~Mn padi yg telah mulai kering; **kelayuan 1.** keadaan layu; **2.** = **layuan** ki kemangkatan (raja).

### Kamus Perancis Melayu Dewan (KPMD), 1996: 263

Fané /fane/ *adj* layu, lisut, pucat, pudar.

Faner (se) /səfane/ *vpr (plante)* layu, lisut; (*peau*) tidak berseri, pudar; (*beauté*) menjadi layu, hilang kesegaran.

Berdasarkan contoh entri 'layu' bagi kedua-dua kamus di atas, dapat dilihat aspek metabahasa yang merangkumi konvensi-konvensi seperti kod tatabahasa, pelabelan penggunaan kata, dan pengungkapan definisi. Kod tatabahasa menurut Hartmann (1996) ialah suatu cara yang menunjukkan bagaimana leksem berfungsi sebagai anggota kata yang berbeza sebagai contoh kata nama, kata kerja dan lain-lain. Input-input maklumat dalam metabahasa seperti etimologi, padanan dalam bahasa sasaran, pedoman tatabahasa, sinonim, antonim, penentuan homonimi dan polisemi dan lain-lain dapat membantu penyusun kamus dalam mempersembahkan jenis-jenis maklumat yang berkaitan.


Berdasarkan contoh yang diberikan, bahasa objek terletak di sebelah kiri halaman kamus dan dicetak dengan huruf tebal, sedangkan metabahasanya pula berada pada sebelah kanan halaman kamus dan sebahagiannya dicetak dengan huruf biasa dan sebahagian lagi dicetak dengan huruf miring dan huruf tebal. Bahasa istilah dan label kelas kata dicetak dengan huruf condong manakala pendefinisian makna bagi bahasa objek pula dicetak dengan menggunakan huruf biasa.

Bagi entri pertama, iaitu 'layu' dalam KD4 pentakrifan maknanya dibezakan dengan menggunakan angka polisemi. Jadi, pengungkapan definisi bagi entri 'layu' 1 dalam KD4 adalah kurang lengkap. Begitu juga takrifan KPMD juga kurang lengkap kerana memasukkan kata sinonim ke dalamnya seperti *layu, lisut, pucat, pudar*. Walau bagaimanapun, huraian maknanya ada menggunakan contoh penggunaan ayat untuk menerangkan makna entri tersebut dengan lebih jelas dalam KD4, tetapi tiada dalam KPMD. Contoh penggunaan ayat dalam KD4 disertakan selepas erti sinonim tersebut, sedangkan dalam KPMD tidak disertakan.


KD4 turut memberi huraian kepada entri layu seperti dalam kurungan, sedangkan KPMD tiada. Walau bagaimanapun, KD4 tidak mempunyai lambang fonetik. Sebenarnya, lambang fonetik penting bagi memudahkan pembaca menyebut entri. Sebaliknya berlaku dalam KPMD. KPMD juga mempunyai label bagi kelas kata, iaitu kata adjektif sementara KD4 pula tiada. Berikut ialah contoh entri yang menggunakan gambarajah untuk menerangkan input-input maklumat dalam metabahasa seperti berikut:

Contoh 1

KD4, 2007: 903



KPMD, 1996: 263



**Contoh 2****KD4, 2007: 1365**

**sah** 1. lulus pada sisi undang-undang (adat, hukum, dll), lwn batal (puasa, sembahyang, dll): *sudah berkali-kali ia meminta menjadi isteri yang ~; sembahyangnya tidak ~ kerana ia tidak bersuci*; 2. benar, pasti, nyata: *jikalau ~ awan mengandung hujan, habislah basah gerangan nenek*; khabar yang ~ khabar yang benar;

**mengesahkan** 1. mengakui sah, menganggap sah (perjanjian dll), membenarkan: *beliau ~ ia akan berada di Tokyo selama empat hari; pembuangan kamu telah disahkan oleh ketua pejabat*; 2. memastikan, menetapkan: kematian anak dalam kandungan itu dapat disahkan dengan gambar x-ray; **kesahan** perihal sah, sah tidaknya (sesuatu): *negara-negara Islam telah menjadikan persetujuan pihak yang berkahwin sbg syarat ~ sesuatu perkahwinan; ~ perbandingan ini tidak dapat dibuktikan*; **pengesahan** perbuatan atau hal mengesahkan: *~ tentang kehilangan itu belum disiarkan lagi*; **pengesah** sesuatu (orang dsb) yg mengesahkan sesuatu.

**KPMD 1996 : 637**


**valid** | e /valid/ *adj (robuste)* sihat, layak, boleh bekerja; (*valable*) sah, masih laku.

**valider** /valide/ *vt* mengesahkan , memperakukan.


**validité** /validite/ *nf* kesahan.

Bagi entri sah dalam KD3, huraian definisi perkataan ini agak lengkap dan dinyatakan kata yang berlawanan atau berantonim dengannya serta mempunyai contoh ayat untuk pembaca lebih memahaminya. Sementara dalam KPMD huraian makna perkataan tidak lengkap, hanya memasukkan makna sinonim sahaja, iaitu (*robuste*) sihat, layak, boleh bekerja; (*valable*) sah, masih laku. Sinonim dalam KPMD dicondongkan perkataannya (dalam bahasa Perancis). Dalam KPMD tidak ada contoh ayat. Sungguhpun begitu, entri dalam KPMD mempunyai kelas kata, iaitu kata sifat sementara dalam KD3 tidak dilabelkan.

**KD4, 2007: 1365**



**KPMD, 1996: 637**





**Contoh 3**

**KD4, 2007: 406**


**fakulti** **1.** sesuatu cabang atau jurusan pengajian atau ilmu pengetahuan di universiti : ~ perubatan; ~ sains; **2.** wakil fakulti untuk sesuatu pertandingan dll: *pertandingan bola sepak yg akan diadakan minggu depan ialah antara ~ perubatan dgn ~ pertanian*; **3.** kemampuan (keupayaan) semulajadi otak atau jasad: *hanya manusia sahajalah yg mempunyai kesemua ~ ini; manusia itu ialah sejenis makhluk bermasyarakat yg selalu menggunakan ~ pemikiran yg kritis utk meneliti dan mendalami masalah masyarakatnya.*

**KPMD, 1996 : 259**


**Fac / fak/ nf** (abrév.) fakulti.

Bagi entri ketiga iaitu fakulti dalam KD3, maknanya agak lengkap dan mempunyai tiga polisemi dan disertai dengan contoh jenis fakulti, iaitu fakulti perubatan dan fakulti sains. Sementara dalam KPMD, tiada langsung huraian makna, ayat, dan lain-lain. Cuma, /fac/ dilabelkan kelas kata sebagai nom feminin (abrev).

**KD4, 2007: 406**



## KPMD, 1996 : 259



Daripada penelitian penulis, jika dilihat penggunaan metabahasa antara kedua kamus KD3 nampaknya agak lengkap berbanding KPMD. Dari aspek pemerian makna bagi ketiga entri tersebut, KD3 juga agak lengkap berbanding KPMD. Walau bagaimanapun pengungkapan definisi oleh KD3 masih kurang jelas, khususnya dari segi struktur definisi yang sepatutnya terdiri daripada tiga aspek utama, iaitu genus, ciri pembeza dan komen. *Genus (genus proximum)* menurut Krisnamurthy (1987), Ayto (1983), Zgusta (1961), dan Azizah (2000) (dalam Nor Hashimah: 2007) ialah kata yang generik atau makna umum; manakala ciri pembeza pula ialah perkataan-perkataan yang mengungkapkan komposisi semantik kata entri yang dapat membezakannya daripada kata lain dalam set leksikal yang dianggotai. Satu lagi ciri penting yang sepatutnya ada dalam pengungkapan definisi setiap entri ialah komen, menurut pandangan Newell (1995), Nor Azizah (2000) (dalam Nor Hashimah: 2007). Komen ialah maklumat-maklumat yang dikira terbatas sebagai contoh jenis kata yang berkolokasi dengan kata entri, dan maklumat tambahan yang lain yang bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih kepada pengguna kamus.

Rentetan daripada kekurangan yang wujud, penulis akan cuba menerapkan semua elemen dalam pengungkapan sesuatu definisi dan menambah maklumat yang kurang mengekalkan makna yang tepat dalam entri tersebut seperti gambaran di bawah:

## Contoh 1

Genus                      ciri pembeza                      komen

↑                                      ↑                                      ↑

**la.yu** *adj* 1. | suatu keadaan, benda, org, dsb | yang kering dan kecut | sbg kesan daripada putaran alam, peningkatan usia dll, tidak berseri atau tidak segar lagi, lisut: *kajang or kajang berlipat, kajang saya mengkuang* ~; lwn berseri; 2. ki pucat dan lesu, tidak bergairah, tidak sihat, merana: *gadis tua yang sudah* ~; ~ *bunga* (barang yg) sudah lama tetapi masih elok (kain dll); ~ *malap* KI terlalu letih; *dianjak* ~, *dibubut (dianggur) mati* = *diasak (pincang)* ~. *dicabut mati* nrh keputusan v2 muktamad (tidak dapat diubah-ubah lagi):

**la. yu- la. yu. an** *n* **1.** sesuatu benda atau keadaan yang layu; **2.** = padi ~ Mn padi yg telah mulai kering;

**ke. la. yu. an** *kj* **1.** keadaan yang layu; **2.** = **la. yu. an** ki kemangkatan (khusus untuk raja).

**Contoh 2**

Genus                      ciri pembeza                      komen

↑                                      ↑                                      ↑

**sah** *adj* **1.** lulus | pada sisi undang-undang (adat, hukum, dll) | yg tidak boleh dipertikai, lwn batal (puasa, sembahyang, dll): *sudah berkali-kali ia meminta menjadi isteri yang ~; sembahyangnya tidak ~ kerana ia tidak bersuci*; **2.** benar, pasti, nyata, layak, masih laku: *jikalau ~ awan mengandung hujan, habislah basah gerangan nenek*; khabar yang ~ khabar yang benar;

**me. nge. sah. kan** *kj* **1.** mengakui sah akan sesuatu hal, menganggap sah, membenarkan (perjanjian dll): *beliau ~ ia akan berada di Tokyo selama empat hari; pembuangan kamu telah disahkan oleh ketua pejabat*; **2.** memastikan, menetapkan: *kematian anak dalam kandungan itu dapat disahkan dengan gambar x-ray*;

**ke. sa. han** *n* perihal sah atau tidaknya sesuatu perkara : *negara-negara Islam telah menjadikan persetujuan pihak yang berkahwin sbg syarat ~ sesuatu perkahwinan; ~ perbandingan ini tidak dapat dibuktikan*;

**pe. nge. sa. han** *kj* perbuatan atau hal mengesahkan: *~ tentang kehilangan itu belum disiarkan lagi*;

**pe. nge. sah** *n* orang yg mengesahkan sesuatu: *dia menjadi pengesah kejadian rompakan yang dilihatnya malam tadi*.

**Contoh 3**

genus                                      ciri pembeza                                      komen


↑    ↑    ↑

**fa. kul. ti** *n* **1.** sesuatu cabang atau jurusan | pengajian atau ilmu pengetahuan | di universiti atau kolej: *~ perubatan; ~ sains*; **2.** wakil jurusan atau cabang untuk sesuatu pertandingan dll: *pertandingan bola sepak yg akan diadakan minggu depan ialah antara ~ perubatan dgn ~ pertanian*; **3.** kemampuan (keupayaan) semulajadi otak atau jasad untuk melakukan sesuatu : *hanya manusia sahajalah yg mempunyai kesemua ~ ini; manusia itu ialah sejenis makhluk bermasyarakat yg selalu menggunakan ~ pemikiran yg kritis utk meneliti dan mendalami masalah masyarakatnya*.


Walaupun ada kekurangan dalam KPMD, sekiranya digabungkan kelebihan kekurangan kedua-dua kamus ini, maka kita akan dapat sebuah kamus yang leng (mampat) metabahasanya, seperti rajah berikut.

## **Cadangan**


Contoh 1



Contoh 2



Contoh 3



Kesimpulan

Secara keseluruhan, makalah ini telah membincangkan penggunaan metabahasa dengan mengambil contoh data daripada KD3 dan KPMD. Perbezaan yang ketara dapat dilihat antara kedua-duanya sama ada dalam aspek pemerian makna sesuatu entri dan lain-lain. Maklumat bahasa yang padat mampu membekali pengguna dengan maklumat yang ingin dicari dan memberi kefahaman dari segi makna, kelas kata, sebutan, asal-usul dan lain-lain sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Bagi memperkemas KD4 mahupun KD yang

seterusnya, disyorkan supaya kamus rujukan negara ini perlu mempunyai kelas kata sebutan kata seperti kamus-kamus bahasa yang lain. Hal ini memudahkan pengguna kamus, khususnya bangsa atau warganegara lain (masyarakat antarabangsa) mempelajari dan mendalami bahasa Melayu dengan lebih baik.

## RUJUKAN

### *Kamus*

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Perancis-Melayu Dewan*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### *Buku*

Hartmann, Reinhard R.K. 2001. *Teaching and Researching Lexicography*. Applied Linguistics in Action Series. Harlow: Pearson Education. [Chapter 8, Methods in dictionary research] reprinted in Hartmann, R.R.K (Ed). 2003. *Lexicography*. Critical Concepts in Linguistics. Vol. III: 429-444.

Hartmann, Reinhard R.K. 1996. *Lexicography as Applied Linguistic Discipline*. Hartmann, R.R.K (Ed). *Solving Language Problems*. 230-244. Exeter Linguistics Studies. Exeter: University of Exeter Press.

Hartmann, Reinhard R.K. 1993. *Leksikografi: Prinsip dan Amalan, Teori dan Amalan Dalam Menyusun Kamus*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. & James Gregory. 1998. *Dictionary of Lexicography*. New York: Routledge.  
Ibrahim Ahmad. 2005. *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

### *Jurnal*

Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, 2007. *Telus, Konflik dan Legap Istilah MABBIM: Satu Kajian Morfosemantik*. *Jurnal Bahasa*. Jilid 7(2), 89-120.

Norazizah Abu Bakar. *Metabahasa dan pengungkapan definisi dalam kamus Melayu*. *Jurnal Dewan Bahasa* (Zulkifli Salleh ketua.ed.) Ogos 2000. Jilid 44 bil. 8. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2000 pp863-875.